

**Rakyat Harus Faham, Janji Pembangkang Adalah Janji Politik - Rais  
Bernama  
11 September, 2012**

JEMPOL, 11 Sept (Bernama) -- Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan Datuk Seri Dr Rais Yatim mengingatkan rakyat bahawa jika pembangkang membuat janji, semuanya itu adalah janji politik dan bukan janji yang terasas kepada kebolehan, budi dan jasa.

"Oleh kerana mereka hanya pandai menjanjikan sesuatu, tanpa kebolehan mentadbir negara, kita menyatakan rakyat harus waspada dan tidak cepat 'melenting' menyatakan kerajaan Barisan Nasional (BN) begitu, begini...jauh lagi untuk menyatakan ketidakbolehan pemimpin kita.

"Sebenarnya, rakyat Malaysia perlu melihat dari sudut anak-anak yang berada di sekolah dan generasi muda kita yang perlu terus dibimbing. Bagaimana kestabilan negara sudah kita wujudkan, kemudian keharmonian kaum dan seterusnya kesejahteraan. Kesemua ini harus kita timbang mendalam," katanya.

Beliau ditemui pemberita pada majlis Merdekaraya Dewan Undangan Negeri (DUN) Lui di Dewan Budaya Air Hitam, di sini.

Rais yang juga Anggota Parlimen Jelebu berkata 'menukar kuasa pentadbiran kerajaan bukan sesuatu seperti menukar pakaian' kerana ia berkaitan dengan tamadun, masa depan generasi dan janji yang harus dipaksakan kepada apa yang terbukti dengan pembangunan dan kemajuan dikecapi negara selama di bawah BN.

Mengenai Hari Malaysia yang disambut pada 16 Sept ini di Bintulu, Sarawak, Rais berkata: "Setelah kita mengecapi kemerdekaan 55 tahun dan dengan kemasukan 49 tahun Sabah dan Sarawak dalam Malaysia, ia merupakan tunjang dan pelengkap kepada kemerdekaan negara ini".

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=693905>